


## Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

*Ringkasan Berita*

### Jabatan Kejuruteraan Air dan Persekitaran

#### *Secubit Kata Pemanis Bicara*



**Prof. Madya Dr. Mohd Adib  
Mohammad Razi**  
Ketua Jabatan

*Assalamualaikum warah-matullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Syukur Alhamdulillah terlebih dahulu saya ucapan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita telah melepassi tahun 2016 dengan cemerlang dan jayanya. Tahniah saya ucapan kepada semua warga akademik dan bukan akademik JKAP yang berjaya mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan dan memperolehi kejayaan di dalam aktiviti yang dijalankan. Tahniah juga diucap-kan kepada editor dan penyumbang rencana bagi merealisasikan penerbitan Diari JKAP untuk bulan September hingga Disember ini.

Bersyukur juga kerana saya diberikan kesempatan untuk mencoretkan kata-kata aluan di dalam Diari JKAP yang buat kali keempat diterbitkan dan yang terakhir pada tahun 2016 ini. Tahun 2016 merupakan tahun yang penuh cabaran dan suka duka yang berjaya kita tempuh bersama. Kita bekerja sebagai satu pasukan yang mantap, mempunyai tenaga kerja yang cekap dan bertenaga, hubungan

yang sangat mesra antara kita dan berupaya untuk menghasilkan mutu kerja yang cemerlang. Ini dilihat dari segi pencapaian sepanjang tahun 2016, dimana banyak program-program yang dianjurkan oleh JKAP dan penglibatan ahli JKAP mendapat pujian dan menjadi contoh dari pihak lain. Ini menunjukkan segala perkara yang kita telah jalankan mencapai standard yang telah ditetapkan.

Penganjuran ICSEWR 2016 dibawah Persidangan ISCEE2016 merupakan detik sejarah bagi warga JKAP keseluruhannya kerana kita bekerja sebagai satu pasukan yang mantap walaupun berbagai cabaran kita terpaksa kita hadapi. Kerja-kerja khidmat masyarakat yang telah kita jalankan seperti pembinaan Telaga air bumi telah diiktiraf sebagai salah satu kepakaran yang kita ada. Geran-geran yang diperolehi oleh ramai staf JKAP menunjukkan masih banyak lagi peluang yang boleh kita capai di dalam bidang penyelidikan. Banyak lagi kehebatan ahli JKAP yang tidak dapat saya huraikan satu persatu di dalam diari ini. Dengan usaha dan komitmen yang tinggi yang telah ditunjukkan, saya yakin warga JKAP akan terus maju dan mampu mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan oleh fakulti dan UTHM selain menambah sasaran kerja yang telah dicapai untuk tahun akan datang, 2017.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua sahabat-sahabat saya di JKAP supaya kita dapat bersama-sama melaksanakan dan menjayakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas. Diharapkan segala usaha yang telah kita curahkan mampu menyumbang sesuatu kepada diri sendiri, keluarga, bangsa, agama dan Negara, Insyallah.

#### SIDANG EDITOR

##### **Penaung**

Prof. Madya Dr. Abd Halid Abdullah

##### **Penasihat**

Prof Madya Dr. Mohd Adib Mohammad Razi

##### **Editor**

Dr. Mohd Ariff Ahmad Nazri

#### Lawatan Panel Penilai EAC

#### Penubuhan Pusat Penyelidikan Moringa

#### ISEWR 2016 Bersama ISCEE 2016

#### JKAP Juara Keseluruhan

#### Perundingan Bersama Kementerian Kesihatan Malaysia


#### Penerbitan

## .: Lawatan Panel Penilai EAC

**OKTOBER 2016,** Ke semua makmal yang berada di bawah seliaan JKAP telah diaudit oleh panel penilai EAC bagi memenuhi keperluan akreditasi program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam. Makmal-makmal berkenaan telah mendapat pujian dari panel penilai hasil daripada pemerhatian dan juga sesi temubual yang dijalankan bersama Penolong Jurutera yang dipertanggungjawabkan terhadap kawal selia makmal berkenaan.



## .: Penubuhan Pusat Penyelidikan Moringa



**NOVEMBER 2016,** JKAP mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Prof. Madya Dr. Zawawi Daud, Prof. Ab Aziz Abd Latiff, En. Zulkifli Ahmad dan En. Baharuddin Ridzuan di atas kerjasama yang dijalankan bersama LMC-CARISMA sehingga tertubuhnya pusat penyelidikan moringa yang mana makmal dan penghasilannya ditempatkan di Kampus Bandar UTHM. Penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan ini telah menyumbangkan endowment dalam bentuk kemudahan penyelidikan yang berjumlah RM600 ribu. Ini merupakan endowment tertinggi melalui JKAP kepada pencapaian KPI fakulti. Sekali lagi, JKAP mengucapkan syabas di atas pencapaian ini.

**.: ISEWR 2016 Bersama ISCEE 2016**



**DISEMBER 2016**, Sekali lagi ISEWR telah mengadakan persidangan antarabangsa. Kali ini penganjuran adalah bersama dengan ISCEE2016. Persidangan ini berlangsung di Novotel Melaka pada 5 & 6 Disember 2016. Penyertaan pada penganjuran kali ini melebihi dari penganjuran yang sama pada tahun 2015 yang lalu. Ini menunjukkan pendekatan promosi melalui kepelbagaian kaedah yang telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang bertanggungjawab.

**.: Perundingan Bersama Kementerian Kesihatan Malaysia**



**OKTOBER 2017**, JKAP menerima kunjungan delegasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Kunjungan berkenaan bertujuan untuk mewujudkan perundingan antara KKM dan JKAP berkaitan dengan garis panduan kesihatan alatan penapis air yang ada di Malaysia. Difahamkan, buat masa ini, semua jenama penapis air yang terdapat di Malaysia ini masih lagi belum mempunyai sijil dari KKM. Ini disebabkan, di peringkat kementerian belum lagi wujud garis panduan berkaitan penapis berkenaan. Oleh yang demikian, pihak KKM berbesar hati untuk memberikan amanah dan tanggungjawab ini kepada JKAP khususnya dan FKAAS amnya bagi membangunkan garis panduan alat penapis air bagi menjamin kesihatan pengguna.

## .: JKAP Juara Keseluruhan

**DISEMBER 2016**, Majlis penyampaian hadiah bersempena dengan Hari Sukan Staf yang melibatkan antara jabatan telah diadakan. Tahniah diucapkan kepada JKAP kerana telah merangkul gelaran Juara Keseluruhan. Pelbagai kategori sukan telah dipertandingkan. Majoriti kategori yang dipertandingkan telah dimenangi oleh JKAP. Selain dari sekadar sukan, program ini juga menjadi salah satu medium bagi merapatkan ukhwah di antara warga jabatan.



## **.: Penerbitan**

- 1) "Visual Inspection of Historical Buildings Using Unmanned Aerial Vehicles (UAV): A Case Study of Sultan Abu Bakar Mosque, Johor" [**Assoc. Prof. Dr. Aeslina**] -Advanced Science Letters, Vol: 22, 9, 2160-2163.
- 2) "Optimization of Leachate Treatment with Granular Biomedia: Feldspar and Zeolite" [**Assoc. Prof. Dr. Aeslina**] - Indian Journal of Science and Technology, Vol: 9, 37.
- 3) "Potential of Light Pipes System In Malaysian Climate" [**Assoc. Prof. Dr. Aeslina**] - IOP Conference Series: Materials Science and Engineering, Vol: 160, 1, 12 -71.
- 4) "Hazard and Risk Slope Inventory Using Geographical Information System (GIS): Case Study At Federal Route Simpang Pulai From Section 35 To 45" [**Assoc. Prof. Dr. Aeslina**] - IOP Conference Series: Materials Science and Engineering, Vol: 160, 1, 12-72.
- 5) "Bioaugmentation process of secondary effluents for reduction of pathogens, heavy metals and antibiotics" [**Dr. Radin Maya Saphira**] - Journal of Water and Health, Vol: 14, 5, 780-795.
- 6) "Potential of bacterial consortium for removal of cephalexin from aqueous solution" [**Dr. Radin Maya Saphira**] - Journal of the Association of Arab Universities for Basic and Applied Sciences.
- 7) "Household greywater treatment methods using natural materials and their hybrid system" [**Dr. Radin Maya Saphira**] - Journal of Water and Health, Vol: 14, 6, 914-928.
- 8) "Harvesting of microalgae biomass from the phycoremediation process of greywater" [**Dr. Radin Maya Saphira**] - Environmental Science and Pollution Research, Vol: 23, 24, 24624-24641.
- 9) "Bathroom Greywater Bioremediation by Microalgae Botryococcus sp" [**Dr. Radin Maya Saphira**] - Indian Journal of Science and Technology, Vol: 9, 46.
- 10) "Optimization of Leachate Treatment with Granular Biomedia: Feldspar and Zeolite" [**Assoc. Prof. Dr. Zawawi**] - Indian Journal of Science and Technology, Vol: 9, 37.
- 11) "Harvesting of microalgae biomass from the phycoremediation process of greywater" [**Prof Ir Dr Amir Hashim**] -Environmental Science and Pollution Research, Vol: 23, 24, 24624-24641.
- 12) "The relationship between unconfined compressive strength and leachate concentration of stabilised contaminated sediment" [**Prof. Dr. Ahmad Tarmizi**] - IOP Conference Series: Materials Science and Engineering, Vol: 160, 1, 12-54.